

PERMOHONAN PERUNTUKAN

Setelah pengurusan pemilikan tanah dimuktamadkan sepenuhnya, Perkasa Realty Sdn Bhd memajukan permohonan untuk mendapatkan peruntukan Kerajaan bagi membangunkan kawasan tapak tersebut. Umumnya setiap projek akan melalui dua (2) peringkat pelaksanaan.

i. Infrastruktur

Perlaksanaan komponen infrastruktur melibatkan kerja-kerja pembersihan dan penimbusan tanah.

ii. Bangunan

Setelah kerja-kerja infrastruktur disiapkan, Perkasa Realty Sdn Bhd seterusnya melaksanakan pembinaan fizikal bangunan.

Kerajaan Negeri memperuntukkan subsidi ataupun geran bagi permohonan untuk melaksanakan kerja-kerja infrastruktur manakala bagi pembinaan fizikal bangunan kedai, peruntukkan yang disediakan adalah dalam bentuk pinjaman sahaja. **Kerajaan Persekutuan** pula memperuntukkan subsidi ataupun geran bagi kedua-dua permohonan peruntukan.

Tanpa mengira sumber asal peruntukan, harga kedai akan tetap menerima subsidi Kerajaan melalui potongan kos pelaksanaan infrastruktur yang membuatkan rumah kedai sosio ekonomi Syarikat bersifat mampu-milik dan berharga lebih murah berbanding rumah kedai yang dibangunkan oleh pemaju swasta.

Apabila Pengurusan dipelawa untuk membangunkan satu tapak kawasan yang berpotensi tinggi atau mendapat sokongan wakil rakyat tempatan di kawasan berkenaan untuk dilaksanakan secepat mungkin, pengurusan syarikat boleh memajukan cadangan pembangunan tersebut dengan menggunakan peruntukan dalaman syarikat terlebih dahulu tertakluk kepada kelulusan Jemaah Lembaga Pengarah.



***Mesyuarat Pelarasan Permohonan Peruntukan Pembangunan Tahun 2014
Dan Biayaan Persekutuan Tahun 2015.***